

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

THE STAR MIST NATION 12/12/24
(KHAMIS)

'Specialist must treat public patients first'

SPECIALISTS offering Full Paying Patient (FPP) services at public hospitals must treat public patients first before tending to their FPP, says the Health Ministry.

In a written parliamentary reply, the ministry also said that FPP outpatients can only make up 30% of all outpatients that a specialist treats per session.

The ministry was responding to Datuk Iskandar Dzulkarnain Abdul Khalid (IND-Kuala Kangsar) who wanted the ministry to justify expanding FPP services within government hospitals.

He also questioned the potential burden FPP might place on doctors and its impact on patient care.

Introduced in 2007, the FPP service is currently available in 10 government hospitals – Hospital Putrajaya, Hospital Selayang, Hospital Pulau Pinang, Hospital Ampang, Hospital Serdang, Hospital Sungai Buloh, Hospital Sultanah Aminah and Hospital Sultan Ismail in Johor, Hospital Umum Sarawak and Hospital Queen Elizabeth II in Sabah.

The ministry said a 2018 study by its Institute for Health Management found that FPP patients were generally satisfied with the service.

The primary goals of FPP are to reduce the migration of medical specialists to private hospitals by providing them with a competitive income opportunity, to lessen the government's financial burden of subsidising healthcare for those who can afford it, and to offer patients the choice of being treated by a specialist.

"Beyond FPP, the ministry has introduced the 'Rakan KKM' initiative, offering value-added services to those who can pay without affecting access for the less privileged."

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

NST M/S 6 NATION 12/12/24 (KHAMIS)

RESOLVING OUTSTANDING MEDICAL FEES

REVIEW OF FOREIGNERS' HOSPITAL ENTRY

Health Ministry to tighten procedures on setting deposits and bank guarantees

KUALA LUMPUR

THE Health Ministry is reviewing the procedures for setting deposits and bank guarantees as a step to address the issue of outstanding medical charges for foreign nationals at government healthcare facilities.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said the review included several aspects, such as the rate and collection procedures for bank guarantees, ensuring that the amount was sufficient to cover the medical treatment of foreign nationals.

He said other measures included establishing agreements with private companies under the Procedure for Obtaining Inpatient Treatment Facilities at Health Ministry hospitals, using company guarantee letters through the provision of bank guarantees.

"Under this agreement, private companies are required to pro-



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad speaking during a question-and-answer session in Parliament, yesterday.

BERNAMA PIC

vide a bank guarantee based on the number of workers to the Health Ministry.

"For example, a private company needs to provide a bank guarantee of RM2,500 if the number of its employees is 200 or fewer.

"If the medical bill is not paid within the specified period, the ministry will deduct the bank guarantee to settle the outstanding bill.

"As of September 2024, a total of 823 companies have signed bank guarantee agreements with the ministry to cover medical facilities for their foreign workers."

He said this in response to a question from Fathul Huzir Ayob (PN-Gerik), who asked the min-

istry to explain the progress of its in-depth study on the procedures for setting deposits and bank guarantees, the charge rates, and collection methods for foreign nationals receiving treatment at government healthcare facilities, which have reportedly reached RM40 million.

Dzulkefly said that as a result of the measures taken by the ministry on the collection of medical bills from foreign nationals from December 2023 to September this year, there had been a decline in outstanding payments.

"There has been a reduction in arrears, which decreased by RM3.84 million or 9.58 per cent, from RM40.08 million to RM36.24 million," he said.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

NEW STRAITS TIMES M/S 6 NATION 12/12/2024 (KHAMIS)

Ministry acted on 4 complaints of bullying

THE Health Ministry has taken action on four complaints of bullying among healthcare workers, as of Sept 30, said Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

The health minister, in a parliamentary written reply yesterday, said a total of 355 complaints of various natures had been recorded through the MyHelp system, and the four complaints were addressed in accordance with the Public Officers (Conduct and Discipline) Regulations 1993.

He said six complaints were under investigation, while the remaining complaints were related to service matters, promotion requests, transfers, management issues, and communication

problems, among others.

"We emphasise that the ministry will never compromise on any form of bullying behaviour.

"Every complaint submitted will be examined to determine its validity as an act of bullying for corrective or punitive action to be taken," he said.

Dzulkefly said this in response to a question from Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langkat), who asked for statistics on reported bullying cases involving specialists, medical officers, trainee medical officers and paramedics, and the methods implemented by the ministry to address them.

He said, in line with the Healthcare Work Culture Improvement

Task Force in 2022, the ministry had improved its mechanism for handling bullying cases with the MyHelp system, launched on Oct 1, 2022.

The system, he added, was a primary channel for officers to report bullying cases directly to the Health Ministry's integrity unit, without going through the respective department heads.

He said there were also various platforms to provide mental health support, including the mental health crisis hotline of Heal 15555 Hotline, services from the Psychology Officers and Public Service Counselling Partners (Akrab), and the MyMinda platform to conduct self-mental health screenings, among others.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

BERITA HARIAN M/S 1 MUKA DEPAN 12/12/2024 (KHAMIS)

Isu tunggakan bil hospital warga asing

Kadar deposit mesti cukup untuk jalani rawatan

Kementerian Kesihatan teliti semula kaedah jaminan bank atau deposit daripada syarikat yang menggaji pekerja asing bagi memastikan jumlah jaminan mencukupi menampung kos rawatan untuk mengatasi isu tunggakan caj hospital kerajaan membabitkan bukan warganegara yang kini melebihi RM40 juta.

→ Nasional 9



Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan kemuka enam syor tangani isu kenaikan harga premium insurans, takaful kesihatan Nasional 4

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Sidang Dewan Negara BERITA HARIAN M/S 9 NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

Majikan kena sedia jaminan bank mencukupi bayar kos rawat buruh asing

KKM kaji kaedah atasi isu tunggakan caj hospital lebih RM40 juta

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) meneliti semula kaedah jaminan bank atau deposit dan tatacara kutipan dengan syarikat yang mempunyai pekerja warga asing dalam usaha mengatasi isu caj hospital kerajaan yang tertunggak membabitkan bukan warganegara.

Antara perkara yang diteliti termasuk memastikan jumlah jaminan bank syarikat berkenaan adalah mencukupi untuk menampung kos perubatan warga asing terbabit jika bil tidak dijelaskan selepas menerima rawatan.

Sebelum ini dilaporkan tunggakan caj membabitkan warga asing yang mendapatkan rawatan di hospital kerajaan lebih RM40 juta.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kementerian akan mengadakan perjanjian dengan syarikat swasta di bawah Prosedur Permohonan Mendapatkan Kemudahan Rawatan Pesakit Dalam di Hospital KKM, dengan menggunakan surat jaminan syarikat melalui penyediaan jaminan bank.

"Melalui perjanjian ini, syarikat swasta perlu menyediakan jaminan bank mengikut bilangan pekerja (asing) kepada pihak kementerian.

"Misalnya, sebuah syarikat swasta perlu menyediakan jaminan bank berjumlah RM2,500 jika bilangan pekerja adalah 200 orang atau kurang.

"Sekiranya bil perubatan tidak dijelaskan dalam tempoh ditetapkan, potongan jaminan bank akan dilaksanakan oleh kementerian untuk menjelaskan bayaran bil tertunggak terbabit.

"Sehingga September lalu, 823 syarikat telah menandatangani perjanjian jaminan bank dengan kementerian untuk kemudahan perubatan bagi pekerja asingnya," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Fathul Huzir Ayob (PN-Gerik) yang meminta kementerian menyatakan sejauh manakah kajian terperinci dijalankan terhadap prosedur penyediaan deposit dan jaminan bank, kadar caj serta kaedah kutipan bagi warga asing yang mendapatkan rawatan di fasiliti KKM yang dilaporkan mencecah RM40 juta.

BH pada Februari lalu pernah mendedahkan mengenai tindakan warga asing yang bermotivasi alasan 'janji akan bayar' terutama pendatang asing tanpa izin (PATI), tetapi gagal melangsaikan bil perubatan di klinik serta hospital kerajaan.

Ini termasuk kos bagi rawatan bersalin, kecemasan, pemeriksaan pesakit luar serta pengambilan ubat, sama seperti yang dinikmati rakyat tempatan yang lain.

Selain memberikan pelbagai helah, ada segelintir warga



Dr Dzulkefly menjawab soalan pada Sidang Dewan Negara, semalam.

(Foto BERNAMA)

asing yang terus 'lesap' selepas mendapatkan rawatan sehingga KKM berputih mata apabila perlu menanggung kerugian, termasuk terpaksa melupus hutang angara-sikap warga asing terbabit.

Tindakan menyenarai hitam warga asing yang dikesan culas melangsaikan hutang bil perubatan hospital kerajaan berdepan kesukaran apabila tiada sistem bersepadu yang menghubungkan data KKM dengan Jabatan Imigresen ketika ini.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly memaklumkan hasil tindakan diambil KKM berhubung tuntutan bayaran bil perubatan warganegara asing sepanjang Disember 2023 hingga September lalu, berjaya merekodkan penurunan terhadap tunggakan.

"Penurunan tunggakan direkodkan iaitu sebanyak RM3.84 juta atau 9.58 peratus, iaitu penurunan jumlah tunggakan

bil daripada RM40.08 juta kepada RM36.24 juta," katanya.

Menjawab soalan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat), Dr Dzulkefly berkata, empat aduan berkaitan unsur buli membabitkan kakitangan perubatan diambil tindakan oleh kementerian sehingga 30 September lalu.

Katanya, empat kes itu dikenal pasti sebagai aduan berasas membabitkan buli berbanding keseluruhan 355 aduan pelbagai yang direkodkan melalui sistem MyHELP sepanjang tempoh sama.

Beliau tidak mengulas lanjut mengenai empat kes buli yang dimaksudkan itu.

Ambil tindakan kes buli

"Setakat 30 September lalu, sebanyak 355 aduan pelbagai telah direkodkan. Selepas tapisan dibuat, empat (aduan berkaitan unsur buli) didapati berasas dan

aduan ini telah diambil tindakan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan lain yang berkuat kuasa.

"Enam (aduan dalam peringkat siasatan untuk pengesahan dan pembuktian sama ada benar-benar perbuatan buli atau tidak dan baki 345 lagi adalah aduan pelbagai berkaitan hal perkhidmatan, permohonan kenaikan pangkat, pertukaran, kepincangan pengurusan, isu komunikasi dan lain-lain," katanya dalam jawapan bertulis di laman web Parlimen.

Dalam pada itu, Dr Dzulkefly menegaskan KKM tidak sekali-kali berkompromi dengan sebarang perlakuan buli, yang mana setiap aduan dikemukakan akan diperincikan bagi menentukan kesahihannya sebagai suatu perlakuan buli bagi diambil tindakan pembedaan atau punitif.

"Selaras dapatan siasatan Pasukan Petugas Khas Bagi Menambahbaik Budaya Kerja di Kementerian Kesihatan (HWCTF) pada 2022, KKM memperbaiki mekanisme untuk menangani kes buli menerusi pelancaran sistem MyHELP.

"Sistem ini dilancarkan 1 Oktober 2022 sebagai saluran aduan utama bagi pegawai melaporkan terus kes buli kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat KKM tanpa melalui Ketua Jabatan," katanya.

Bagi petugas kesihatan yang menghadapi isu kesihatan mental termasuk buli, Dr Dzulkefly berkata, KKM menyediakan pelbagai saluran bagi membantu mereka mengatasi isu terbabit.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN m/s 8 NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

4 aduan sah kes buli, 6 lagi dalam siasatan - KKM

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan empat aduan berunsur buli yang didapati berasas telah diambil tindakan tatatertib, manakala enam lagi masih dalam peringkat siasatan untuk pengesahan serta pembuktian perbuatan tersebut.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, 10 kes itu antara 355 aduan yang diterima setakat 30 September tahun ini menerusi sistem MyHELP sejak dilancarkan pada 1 Oktober 2022.

"Baki sebanyak 345 aduan lagi merupakan aduan berkaitan hal-hal perkhidmatan, permohonan kenaikan pangkat, pertukaran, kepincangan pengurusan, isu komunikasi dan lain-lain.

"Sistem ini sebagai saluran aduan utama bagi pegawai melaporkan terus kes buli kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan tanpa melalui ketua jabatan.

"Prosedur ini disediakan sedemikian bagi menegakkan prinsip ketelusan, kerahsiaan dan ketegasan dalam usaha KKM menangani kes buli," katanya dalam jawapan bertulis bagi pertanyaan lisan Dewan Rakyat yang disiarkan di laman sesawang Parlimen.

Beliau menjawab pertanyaan Datuk Dr



DR DZULKEFLY

Ahmad Yunus Hairi (**PN-Hulu Langat**) mengenai statistik kes buli melibatkan pakar, pegawai perubatan termasuk pelatih dan paramedik serta kaedah menanganinya.

Tambah Dr Dzulkefly, tindakan diambil mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 atau peraturan lain yang berkuat kuasa.

Menurutnya, bagi petugas kesihatan yang menghadapi isu kesihatan mental termasuk buli, pihak kementerian menyediakan pelbagai saluran bagi membantu mereka mengatasi isu tersebut.

"Antaranya memberi sokongan emosi dan intervensi awal melalui Talian Krisis Kesihatan Mental, memperluas perkhidmatan kaunseling oleh pegawai psikologi terlatih serta Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (Akrab).

"Selain itu menyediakan platform digital, MyMinda menerusi aplikasi MySejahtera bagi memperluaskan perkhidmatan kesihatan mental.

"Mewujudkan Pasukan Mental Health and Psychosocial Support (MHPSS) di peringkat negeri, daerah dan hospital yang akan turun ke lapangan bagi mengenal pasti petugas kesihatan yang memerlukan bantuan awal psikologi," ujarnya.

DANG
LIMEN

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA MIS 4 D/NEGERI 12/12/2024 (KHAMIS)

Insurans: Kerajaan dicadang bangun sistem bayaran bersama

Oleh ARIF AIMAN ASROL
dan HAFIZ SAIDINA
utusannews@mediamalaysia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan dicadang memperkenalkan sistem pilihan bayaran secara bersama atau *co-payment* bagi mengelak rakyat terus terbeban dengan peningkatan kadar premium insurans.

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Dewan Rakyat, Suhaizan Kaiat berkata, kerajaan perlu meneliti dasar-dasar sedia ada dengan memperkenalkan pendekatan seperti pilihan kaedah pembayaran tersebut.

Kata beliau, model tersebut membolehkan kos rawatan da-



Pendekatan ini diharap dapat mengurangkan tekanan terhadap kewangan dan memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan."

SUHAIZAN KAIAT

pat dikongsi antara penanggung insurans dan pengendali takaful dengan pemegang polisi serta peserta takaful.

"Pendekatan ini diharap dapat mengurangkan tekanan terhadap kewangan dan me-

mastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan.

"Ini juga memberikan pilihan kepada pemegang polisi dan peserta takaful untuk menentukan tahap perkhidmatan yang sesuai dengan kemampuan mereka,"

katanya semasa sidang akhbar di Pusat Media, Bangunan Parliamen, semalam.

Terdahulu, media melaporkan, sebarang kenaikan kadar premium insurans akan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya tidak membebankan rakyat dan mengelak inflasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan sedar akan keperluan menaikkan premium itu oleh industri tetapi ia perlu dikawal untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat.

Perkara ini susulan dari laporan *Utusan Malaysia* pada 26

November lalu yang melaporkan bahawa polisi insurans perubatan dijangka naik antara 40 hingga 70 peratus tahun depan dengan alasan kos perubatan di hospital swasta semakin mahal.

Sementara itu, Suhaizan berkata, kerajaan perlu merangka mekanisme yang lebih menyeluruh untuk mengawal perkhidmatan kesihatan dan memastikan struktur harga lebih telus dan adil, sekali gus mengelakkan beban kewangan tidak wajar kepada pesakit.

Jelasnya, langkah kawal selia itu juga akan merangkumi pemantauan berterusan terhadap kos ubat-ubatan, rawatan dan prosedur perubatan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NATION

NST M/s 3 NATION 12/12/2024 (KHAMIS)

MEDICAL INSURANCE AND TAKAFUL

6 WAYS TO TACKLE RISING PREMIUMS

Parliamentary panel recommendations include co-payment options, a national health fund

HANA NAZ HARUN
AND QISTINA SALLEHUDDIN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Parliamentary Special Select Committee on Health has six recommendations on tackling the increasing prices of insurance and takaful premiums in the country.

Committee chairman Suhaizan Kaiat said this included introducing co-payment options, implementing a mechanism to control prices of health services and expediting the adoption of diagnosis-related groups (DRG).

He said the committee also wanted the government to intensify efforts to establish strategic partnerships through the "Rakan KKM" initiative, accelerate the es-

tablishment of a national health fund, and plan for a phased implementation of price increases in healthcare services.

These recommendations, he said, were made following an engagement session on Tuesday with the Health Ministry, Bank Negara Malaysia, Life Insurance Association of Malaysia, Malaysian Takaful Association and the General Insurance Association of Malaysia.

"The government should review existing policies by introducing approaches such as co-payment options," he said at a press conference in Parliament yesterday.

"Through this model, treatment costs can be shared between insurers and takaful operators and policyholders or takaful participants.

"This approach is expected to reduce financial pressure and ensure the continuity of healthcare services, and provides policyholders and takaful participants with the option to determine the level of service that matches their

financial capacity."

Suhaizan, who is Pulaui member of parliament, said a more comprehensive mechanism to control healthcare services prices would ensure a more transparent and fair pricing structure.

He said the regulatory measures would include continuous monitoring of medicine, treatment and medical procedures costs.

He said DRG would classify patient treatments based on the diagnoses and procedures, which would allow for efficient financial management and payments.

"DRG will act as a catalyst for improving the efficiency of the healthcare system and increase transparency in the management of healthcare funds."

He said the national health fund would provide a sustainable financial resource to meet the people's medical needs and offset the increasing costs of treatment.

This fund, he said, would reduce the financial burden on households, particularly among

vulnerable groups.

"The government must also plan for a phased increase in prices to meet the growing complexity of healthcare needs.

"This includes increasing hospital capacity, increasing healthcare manpower and providing more modern medical infrastructure and technology.

"These efforts not only aim to improve healthcare services' effectiveness, but also make them more inclusive, user-friendly and sustainable."

Meanwhile, the Malaysian Medical Association said medical insurance premiums must remain affordable to encourage financial preparedness among Malaysians of all income groups.

Its president, Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira, cautioned that increases in medical insurance premiums should not reach levels that would force long-term policyholders to forfeit their coverage.

His comments followed Prime

Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim's announcement that Bank Negara Malaysia, the Treasury Department and the Health Ministry were reviewing the rise in medical insurance premiums.

"While we fully support this initiative, it is equally important for the government to address the root causes of escalating operational costs faced by private healthcare providers," he said.

"Achieving a balance between affordable premiums and the sustainability of high-quality private healthcare is essential to maintain Malaysia's healthcare standards."

On Tuesday, Anwar told the Dewan Rakyat that the government would issue stricter guidelines for medical and health insurance and takaful.

He said insurers and takaful operators should consider the factors contributing to the price hikes, such as the lower insurance threshold in Malaysia and the rising costs of medicines and medical services.



Suhaizan Kaiat

Datuk Dr
Kalwinder Singh
Khaira

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN MISC NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

6 syor atasi kenaikan harga insurans, takaful

Bayar bersama kos rawatan, kawal harga khidmat kesihatan antara dicadangkan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan mengemuka enam syor kepada kerajaan bagi menangani isu kenaikan harga premium insurans dan takaful kesihatan.

Pengerusi JKPK Kesihatan, Suhaizan Kaiat, berkata pertama; kerajaan disarankan meneliti semula dasar sedia ada dengan memperkenalkan pendekatan seperti pembayaran bersama atau *co-payment*.

Beliau berkata melalui model ini, kos rawatan dapat dikongsi di antara penanggung insurans dan pengendali takaful dengan pemegang polisi serta takaful.

"Pendekatan ini diharapkan dapat mengurangkan tekanan terhadap kewangan dan memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan. Ini juga memberikan pilihan kepada pemegang polisi dan peserta takaful untuk menentukan tahap



Suhaizan pada sidang media di Parlimen, semalam.

perkhidmatan yang sesuai dengan kemampuan mereka," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Mengenai syor kedua, Suhaizan yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata, pihaknya menyarankan kerajaan untuk merangka mekanisme yang lebih menyeluruh untuk mengawal harga perkhidmatan kesihatan.

Langkah itu katanya, bertujuan memastikan struktur harga lebih telus dan adil, sekali gus mengelakkan beban kewangan yang tidak wajar kepada pesakit.

"Langkah kawal selia ini juga akan merangkumi pemantauan berterusan terhadap kos ubat-ubatan, rawatan dan prosedur

perubatan," katanya.

Percepat pelaksanaan DRGs

Berhubung syor ketiga beliau berkata, KKM perlu mempercepat pelaksanaan kumpulan berkaitan diagnosis (DRGs) bagi mengklasifikasi rawatan pesakit berdasarkan diagnosis dan prosedur yang diberikan, seterusnya membolehkan pengurusan kewangan dan pembayaran lebih efisien.

Seterusnya beliau berkata, DRGs akan menjadi pemangkin kepada kecekapan sistem kesihatan negara serta meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dana kesihatan.

"Syor keempat, KKM perlu memperhebat usaha menjalinakan hubungan strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan melalui inisiatif Rakan KKM.

Mengulas syor kelima beliau berkata, KKM perlu mempercepat usaha untuk menubuhkan Dana Kesihatan Negara bagi memastikan pembiayaan kesihatan negara terjaga.

Beliau berkata, dana berkenaan bertujuan menyediakan sumber kewangan mampan bagi memenuhi keperluan perubatan rakyat serta menampung peningkatan kos rawatan, selain mampu mengurangkan beban kewangan isi rumah, terutama golongan rentan.

"Syor keenam, kerajaan perlu merancang pelaksanaan kenaikan harga secara berperingkat terhadap perkhidmatan kesihatan bagi memenuhi keperluan kesihatan yang semakin kompleks.

"Langkah ini termasuklah penambahan kapasiti hospital, peningkatan tenaga kerja kesihatan dan penyediaan infrastruktur serta teknologi perubatan lebih moden.

"JKPK Kesihatan yakin syor ini mampu menangani cabaran kesihatan semasa dan akan datang. Usaha ini bukan sekadar meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, tetapi juga menjadikannya lebih inklusif, mesra pengguna dan mampan," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

JKPK Kesihatan
Parlimen harap ia dapat
mengurangkan tekanan
terhadap kewangan,
memastikan kesinambungan
perkhidmatan kesihatan

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
KUALA LUMPUR

Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan Parlimen mengemukakan enam syor bagi menangani kenaikan harga insurans dan takaful di negara ini.

Pengerusinya, Suhaizan Kaiat berkata, ia termasuklah memperkenalkan pilihan bayaran *co-payment*, mekanisme untuk mengawal harga perkhidmatan kesihatan, mempercepatkan pelaksanaan Diagnosis Related Groups (DRG), inisiatif Rakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), mempercepatkan penubuhan Dana Kesihatan Negara dan pelaksanaan kenaikan harga secara berperingkat.

Menurutnya, cadangan itu dibuat setelah mengadakan sesi libat urus dengan pihak yang berkaitan pada 10 Disember lalu, bagi meneruskan komitmen dan usa-

SINAR HARIAN M/S NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

Enam syor tangani kenaikan harga insurans, takaful



Suhaizan (tengah) ketika sidang akhbar di Parlimen pada Rabu.

ha untuk membantu kerajaan dalam memperkukuhkan sistem kesihatan negara.

"Kerajaan perlu meneliti semula dasar-dasar sedia ada dengan memperkenalkan pendekatan seperti pilihan bayaran *co-payment*. Melalui model ini, kos rawatan dapat dikongsi antara penanggung insurans dan pengendali takaful (ITO) dengan pemegang polisi serta peserta takaful.

"Pendekatan ini diharap dapat mengurangkan tekanan terhadap kewangan dan memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan.

"Ini juga memberikan pilihan kepada pemegang polisi dan peserta takaful untuk menentukan tahap perkhidmatan yang sesuai dengan kemampuan mereka," katanya menerusi sidang akhbar di Parlimen pada Rabu.

Menurut Suhaizan, kerajaan juga perlu merangka mekanisme yang lebih menyeluruh untuk mengawal harga per-

khidmatan kesihatan.

Langkah ini katanya, bertujuan untuk memastikan struktur harga yang lebih telus dan adil, sekali gus mengelakkan beban kewangan yang tidak wajar kepada pesakit merangkumi pemantauan berterusan terhadap kos ubat-ubatan, rawatan dan prosedur perubatan.

Selain itu, KKM perlu mempercepatkan pelaksanaan Diagnosis Related Groups (DRG) bagi mengklasifikasikan rawatan pesakit berdasarkan diagnosis dan prosedur diberikan seterusnya membolehkan pengurusan kewangan serta pembayaran yang lebih efisien.

"DRG akan menjadi pemangkin kepada kecekapan sistem kesihatan negara serta meningkatkan ketelusan dalam pengurusan dana kesihatan.

"Kementerian juga perlu memperhebatkan usaha menjalin hubungan strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan melalui inisiatif Rakan KKM. Program

ini bertujuan menggalakkan penglibatan aktif sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan individu dalam menyokong transformasi kesihatan negara.

"Pendekatan ini juga membuka ruang untuk inovasi dan sokongan yang lebih meluas dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat," ujar beliau.

Suhaizan juga meminta agar KKM mempercepatkan usaha untuk menubuhkan Dana Kesihatan Negara bagi memastikan pembiayaan kesihatan negara terjaga.

Dana ini katanya, bertujuan menyediakan sumber kewangan yang mapan bagi memenuhi keperluan perubatan rakyat serta menampung peningkatan kos rawatan.

Selain itu, dana berkenaan mampu mengurangkan beban kewangan isi rumah, terutama dalam kalangan golongan rentan.

"Akhir sekali, kerajaan perlu merancang pelaksanaan kenaikan harga secara berperingkat terhadap perkhidmatan kesihatan bagi memenuhi keperluan kesihatan yang semakin kompleks.

"Langkah ini termasuklah penambahan kapasiti hospital, peningkatan tenaga kerja kesihatan dan penyediaan infrastruktur serta teknologi perubatan yang lebih moden.

"JKPK Kesihatan yakin bahawa syor-syor ini mampu menangani cabaran kesihatan semasa dan akan datang. Usaha ini bukan sekadar meningkatkan keberkesanan perkhidmatan, tetapi juga menjadikannya lebih inklusif, mesra pengguna dan mapan," jelasnya.

Beliau percaya dengan kerjasama pelbagai pihak, Malaysia berpotensi menjadi contoh negara dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan komprehensif dan berpusatkan rakyat.

6 CADANGAN TANGANI KENAIKAN HARGA INSURANS, TAKAFUL

- 1 Memperkenalkan pilihan bayaran *co-payment*
- 2 Mekanisme untuk mengawal harga perkhidmatan kesihatan
- 3 Mempercepatkan pelaksanaan Diagnosis Related Groups (DRG)
- 4 Inisiatif Rakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
- 5 Mempercepatkan penubuhan Dana Kesihatan Negara
- 6 Pelaksanaan kenaikan harga secara berperingkat

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NATION

BURIAL PERMIT SIGNED NST M/S 9 NATION 12/12/2024 (KHAMIS)

Hospital clarifies baby in freezer controversy

KUALA LUMPUR: The hospital that allegedly kept a newborn for two weeks in a freezer has clarified that a burial permit was signed after he died.

Hospital Bersalin Razif (HBR), in a statement, said its doctors had informed the "father" of the boy to arrange the latter's burial on the next day.

HBR said his mother was also informed that they could bury him before settling the bills.

It said it had accepted the mother as a patient on humanitarian grounds due to her strong labour pains; as she was unbooked and unscreened and did not have any antenatal checkups.

It said the mother claimed that she was unmarried.

"HBR had to accept her on humanitarian grounds in spite

of being unbooked and unscreened. She was brought to the labour room and delivered almost immediately."

It said the boy was born with one eye, no nose and no anus.

"The 'husband' did not accompany her during the delivery.

"The doctor explained to the 'husband' the baby's condition and told him to recite the *azan* (Muslim call to prayer).

"Routine injections were given to the baby with plans for referral. However, the baby's appearance became blue," it said, adding that the boy died minutes later.

"A burial permit was signed and the doctor informed the 'husband' to arrange the burial the next day.

"The 'husband' left the hospital as he said he had to go

elsewhere," it said.

The hospital said the mother was well and allowed to be discharged the next day.

It said she informed the hospital that she was unable to settle the hospital bill of RM2,480.

It said she was informed that she could arrange the burial first before paying the bill.

"Later, she said her 'husband' will arrange the burial. So HBR waited for him to take the baby for burial.

"As days passed, HBR kept reminding her to proceed with the burial, but she kept saying the 'husband' is arranging it. She was treated well and mingled with the ward staff and was provided with counselling services and free meals.

"The 'husband' came to visit her every two to three days. At-

tempts to talk to him about the burial failed."

HBR said its management had discussed with the woman to get police to help her settle the burial, but she pleaded not to get them involved.

It said she kept saying that all decisions would be made by her "husband" and that she refused to give up contact information of her family members.

"She claimed that she lives in a rented room with her 'husband'. She does not have any relatives or friends nearby," it said.

Meanwhile, the Health Ministry, through its Private Medical Practice Control Section (CKAPS), has begun an investigation into the matter.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad advised the public to remain calm and wait for the

facts before making any presumptions on the case.

He said the authorities had been mobilised to conduct an investigation.

"I hope all parties will remain calm and allow the relevant authorities, including CKAPS, to conduct the investigation.

"I will wait for the full findings from all authorities conducting the investigation.

"CKAPS has gone down to the ground to engage with the parties involved," he said at a press conference at the Parliament Building here yesterday.

The issue came to light after the founder of a non-governmental organisation claimed that the baby's remains were prevented from leaving the hospital as the father could not afford to pay the bill.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 4 NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

KKM mulakan siasatan dakwaan hospital tahan jasad bayi - Dr Dzulkefly

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memulakan siasatan terhadap dakwaan sebuah hospital swasta di Selangor yang menahan jasad bayi meninggal dunia selama dua minggu kerana kegagalan ibu bapanya menjelaskan bil hospital lebih awal.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, siasatan tersebut dilakukan oleh Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS).

"Saya secara jujur mahukan semua pihak bertenang dan mengizinkan untuk pihak berwajib yang menjalankan siasatan termasuk CKAPS pun turun sama (menyiasat).

"Saya menantikan dengan sabar untuk mendapatkan dapatan penuh daripada semua pihak berwajib yang sedang menjalankan siasatan termasuk pihak kami, CKAPS yang telah turun mendekati beberapa pihak terbabit.

"Jadi, saya mahu semua dalam kalangan kita untuk bersikap penuh ihsan, belas kasihan dan menjaga empati kita," katanya kepada pemberita ketika sidang akhbar di Dewan Rakyat pada Rabu.

Menurut Dr Dzulkefly, isu berkenaan tidak mudah kerana ada pelbagai dakwaan.

Justeru, beliau mengingatkan semua pihak untuk bersabar dalam mendapatkan fakta yang sebenarnya, sebelum membuat apa-apa andaian.

"Saya juga ingin mengucapkan takziah kepada keluarga bayi terbabit dan berharap semua pihak tidak menyebarkan cerita yang belum dipastikan kesahihannya," ujar beliau.

Sementara itu, ketika sesi soal jawab di Dewan Negara, Dr Dzulkefly memaklumkan, sebanyak 24,734 pesakit telah dirujuk ke hospital swasta setakat 30 November lepas berikutan pelaksanaan Program Penyumberluan Perkhidmatan Hospital (HSOP) pada Julai.

Beliau berkata, jumlah itu melibatkan 1,027 pesakit nefrologi, kardiologi (7,899), kardiotorasik (344) dan radiologi (15,464) dari 40 hospital KKM ke 91 hospital swasta seluruh negara.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 4 D/NEGERI 12/12/2024 (KHAMIS)

PN gesa KKM siasat hospital tahan mayat bayi

KUALA LUMPUR: Perikatan Nasional (PN) menggesa siasatan dan tindakan diambil terhadap sebuah hospital swasta yang didakwa menahan mayat seorang bayi lelaki selama 16 hari di dalam peti mayat.

Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal berkata, perkara tersebut amat menyayat hati dan tidak

sepatutnya mayat bayi itu dibiarkan sehingga dua minggu.

Sehubungan itu, beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) perlu melakukan siasatan dan mengenakan tindakan terhadap hospital swasta berkenaan.

“Kenapa pihak hospital dan pengurusannya boleh mengizinkan perkara ini berlaku ke atas jenazah umat Islam? Kami men-

untut kerajaan dan KKM untuk menyiasat sehingga ke ‘lubang cacing’ untuk mengetahui perkara sebenar.

“Perlu dikenakan tindakan tatertib dan undang-undang kepada pihak pengurusan hospital, pada mana-mana yang bertanggungjawab menguruskan kes ini (sama ada) ecuaiian atau ketidak perikemanusiaan terhadap ke-

luarga alahyarham ini,” katanya semasa sidang akhbar di Pusat Media di Bangunan Parlimen, semalam.

Terdahulu, media melaporkan, satu mayat bayi lelaki didakwa ‘ditahan’ dalam peti mayat di sebuah hospital swasta dipercayai selepas bapanya tidak mempunyai wang untuk menuntut jenazah tersebut.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL



Kenapa perlu tahan jenazah dua minggu?

Pengasas UKVJ persoal rasional tindakan hospital tahan ibu bersama jasad bayi sehingga bil RM3,000 lebih dijelaskan

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Perkongsian Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) di Facebook sejak Isnin, mengenai pengurusan jenazah bayi lelaki yang dilahirkan tidak sempurna, tular dan mengundang pelbagai reaksi masyarakat.

Pengasasnya berkongsi di FB Mr Wan Cai Official, memaklumkan pihaknya terpaksa menggunakan air panas bercampur air paip untuk memandikan jenazah bayi lelaki yang dinamakan Adham apabila mayatnya didakwa disimpan di peti sejuk mayat sebuah hospital swasta selama dua minggu, hanya disebabkan ibu bapa arwah gagal menjelaskan bil hospital lebih awal.

Menurut hantaran itu, bayi berkenaan dilahirkan pada 24 November lalu dalam keadaan tidak sempurna iaitu tanpa sebelah mata dan hidung serta tiada lubang dubur, malah meninggal dunia beberapa

minit selepas dilahirkan.

Wan Cai menyifatkan tindakan 'menyimpan' bayi itu oleh pihak hospital swasta dan melarang jenazah disemadikan lebih awal sebagai tidak berperikemanusiaan.

Beliau mempersoalkan motif pihak hospital menahan ibu bersama jasad bayi sehingga bil hospital yang bernilai lebih RM3,000 dijelaskan.

"Dalam isu yang berlaku, jelas tindakan pemilikan hospital menahan jenazah adik Adham daripada diuruskan adalah satu tindakan tidak wajar dan kejam.

"Seperti yang dimaklumkan, pihak hospital juga menahan ibunya keluar dari wad selagi bayaran tidak dibuat oleh si ayah.

"Yang menjadi persoalan, kenapa jenazah adik Adham perlu ditahan dan disimpan di dalam peti sejuk mayat selama dua minggu?

"Bukankah si ibu sudah ditahan untuk dijadikan jaminan kepada pihak hospital," soal Wan Cai menerusi hantaran itu.

Beliau difahamkan bil yang sepatutnya dibayar kepada pihak hospital dianggarkan RM3,600 sudah dijelaskan si ayah pada jam 11 pagi, Isnin yang membolehkan jenazah diuruskan pasukannya.

Dakwanya, pihaknya terpaksa menggunakan air panas yang dicampur air paip bagi melembutkan tubuh dan sendi jenazah bayi berkenaan.

Susulan perdebatan orang ramai, Wan Cai turut berkongsi kronologi kisah yang diceritakan ayah bayi malang terbabit, yang memaklumkan isterinya dihantar rakan ke hospital swasta itu selepas mengadu sakit pada 24 November.

Sebelum itu, suami wanita itu bekerja syif malam pada 23 November dan

sempat bertemu isterinya selepas dimaklumkan perkara berkenaan, malah bercadang untuk memin-dahkan isterinya ke hospital kerajaan.

Namun dia mendakwa tidak sempat berbuat demikian selepas dimaklumkan doktor hospital swasta terbabit yang bayinya sudah hampir keluar dan berhadapan komplikasi.

Dia juga mendakwa selepas kelahiran itu, bil hospital mencecah lebih RM3,000, tetapi berbaki RM2,480 selepas ditolak deposit.

Bagaimanapun lelaki itu kecewa apabila didakwa tidak dibenar membawa keluar jenazah anaknya untuk diuruskan selagi bayaran penuh tidak diselesaikan.

Dalam tempoh dua minggu itu, bapa Adham dikatakan berusaha mencari wang termasuk meminjam dengan ahli keluarga dan kenalan, namun jumlahnya tidak mencukupi, sehingga seorang dermawan membantu menjelaskan baki lebih RM1,000 pada Isnin.

"Bukankah si ibu sudah ditahan untuk dijadikan jaminan kepada pihak hospital"
Mr Wan

Shah Alam Tindakan sebuah hospital swasta yang didakwa 'menahan' jenazah bayi selama dua minggu disifatkan sebagai suatu penganiayaan yang menyalahi hukum syarak.

Pensyarah Kanan Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Dr Mohd Hapiz Mahaiyadin berkata, menyimpan jenazah di dalam peti sejuk mayat selama dua minggu adalah tidak wajar kerana ia me-

'Patut segera kebumi jika tiada uzur syarii'

nyebabkan kelewatan pengebumian jenazah yang sepatutnya diselesaikan jika tiada sebarang keuzuran.

"Tindakan penahanan disebabkan menunggu si bapa untuk menyelesaikan kos bersalin ibunya bukanlah suatu keuzuran syarii

(seperti kes pembunuhan, kemalangan dan sebagainya yang perlu dibedah siasat) kerana tuntutan kos itu boleh diselesaikan dengan cara lain.

"Dalam hal ini, ia menjadi satu penganiayaan fizikal yang menyalahi syarak yang tidak wajar di-

biarkan berulang sekali lagi," katanya ketika dihubungi semalam.

Katanya, terdapat beberapa perkara berkaitan hukum syarak yang perlu dipertegaskan berhubung perbuatan menahan jenazah bayi berkenaan.

Menurutnya, jika bayi yang dilahirkan sudah berusia enam bulan dan ke atas, maka jenazahnya wajib dilakukan seperti jenazah orang dewasa iaitu dimandikan dan dikafankan, solat jenazah dan dikebumikan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

Bapa gagal beri kerjasama: HBR

Kuala Lumpur: Hospital Bersalin Razif (HBR) menafikan dakwaan tular pihaknya 'menyimpan' jena-zah bayi dan melarang disemadikan lebih awal.

HBR dalam kenyataan dimuat naik di Facebook menjelaskan, ibu bayi itu diterima masuk ke hospital atas dasar kemanusiaan.

"Pesakit mendakwa dia hamil anak pertama dan tidak pernah menjalani pemeriksaan antenatal sepanjang tempoh itu. Sebaliknya, dia hanya menggunakan aplikasi telefon pintar untuk memantau kehamilannya.

"Pesakit tiba di hospital dalam keadaan sakit mahu bersalin dan diiringi seorang lelaki yang diperkenankan sebagai suaminya. Bagaimanapun, dia kemudiannya mengaku bahawa mereka tidak berkahwin.

"Pesakit diterima masuk atas dasar kemanusiaan walaupun tidak berdaftar dan tidak menjalani saringan awal," katanya.

HBR berkata, pesakit dibawa ke bilik bersalin dan melahirkan serta-merta.

"Malangnya, bayi yang dilahirkan mengalami sindrom cyclops, dengan hanya satu mata, tiada hidung dan tiada dubur. Bayi itu juga menunjukkan tanda-tanda kritikal dan meninggal dunia beberapa minit selepas itu.

"Pihak hospital memaklumkan kepada lelaki yang menemani pesakit mengenai keadaan bayi dan mengarahkan untuk menguruskan pengebumian. Namun, lelaki itu meninggalkan hospital dan gagal memberikan kerjasama penuh dalam urusan pengebumian.

RM2,480

Jumlah bil
tidak dapat dibayar
oleh pesakit

"Pesakit dibenarkan keluar dari hospital keesokan harinya dan berjanji bahawa suaminya akan menguruskan pengebumian. Namun selepas beberapa hari, pihak hospital masih menunggu proses itu dijalankan," kata kenyataan itu lagi.

Menurut HBR, sepanjang tempoh menunggu, pihaknya memberikan sokongan kepada pesakit termasuk kaunseling, makanan percuma dan layanan mesra daripada kakitangan hospital.

"Pesakit itu sihat dan dibenarkan keluar pada hari berikutnya. Pada keesokan harinya dia memaklumkan bahawa dia tidak dapat menjelaskan jumlah bil RM2,480. Dia kemudian dimaklumkan bahawa dia boleh menguruskan pengebumian dulu sebelum membayar bil.

"HBR diberitahu si 'suami' akan uruskan pengebumian. Jadi, HBR menunggu lelaki itu untuk mengambil bayi berkenaan untuk dikebumikan.

"Hari-hari berlalu, HBR terus mengingatkannya untuk meneruskan pengebumian tetapi dia terus berkata 'suami' sedang mengatur. Dia dilayan dengan baik bergaul dengan kakitangan wad, diberikan kaunseling dan makanan percuma," katanya.

Menurut kenyataan itu lagi, lelaki itu datang melawat pesakit selama beberapa minit sekali dalam dua hingga tiga hari.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : NASIONAL

BERITA HARIAN M/S 18 NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

Hospital swasta nafi tahan jenazah bayi dua minggu

HBR dakwa benarkan pengebumian sebelum bayar bil RM2,480

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Hospital Bersalin Razif (HBR) di sini, menafikan dakwaan pihaknya menahan jenazah seorang bayi selama dua minggu, sebaliknya menjelaskan memberi kebenaran bayi berkenaan dikebumikan, sebelum barisan bil hospital dibuat.

Dalam kenyataan yang dimuat naik di Facebook semalam, HBR menjelaskan pesakit atau ibu kepada bayi berkenaan datang ke hospital dalam keadaan hendak bersalin dan mengakui tidak pernah menjalani pemeriksaan sepanjang kehamilan tetapi pemeriksaan dibuat menggunakan perisian aplikasi telefon.

"Pesakit dibawa ke HBR oleh 'suami' yang kemudiannya mendakwa mereka belum berkahwin. Memandangkan pesakit hampir bersalin, HBR menerimanya atas dasar kemanusiaan walaupun tiada tempahan atau saringan.

"Pesakit dibawa ke bilik bersalin dan bersalin serta-merta. Doktor mendapati bayi mengalami 'Sindrom Cyclops' yang dilahirkan dengan sebelah mata, tiada hidung dan lubang dubur. 'Suami' tidak menemaninya se-



Unit Khas Van Jenazah menguruskan jenazah bayi tidak sempurna yang didakwa ditahan dua minggu di hospital. (Tangkap layar FB Mr Wan Cai Official)

masa bersalin.

"Doktor juga menerangkan keadaan bayi kepada 'suami' dan menyuruhnya azan. Suntikan rutin diberikan kepada bayi. Bagaimanapun, bayi berkenaan meninggal dunia beberapa minit kemudian," demikian kenyataan HBR di media sosial.

Menurut kenyataan itu, pihak doktor ada menandatangani per-

mit pengebumian dan memaklumkan kepada 'suami' untuk menguruskan pengebumian pada keesokan harinya, namun 'suami' keluar dari hospital memberitahu perlu ke tempat lain.

"Pesakit berada dalam keadaan sihat dan dibenarkan keluar pada hari berikutnya. Pada keesokan harinya, dia memaklum-

kan bahawa dia tidak dapat menjelaskan jumlah bil sebanyak RM2,480.

"Pihak HBR memaklumkan dia boleh menguruskan pengebumian dahulu sebelum membayar bil. Kata pesakit, 'suami' akan uruskan pengebumian. Jadi, HBR menunggu dia untuk mengambil bayi untuk dikebumikan.

"Dalam tempoh berkenaan, HBR terus mengingatkannya untuk meneruskan pengebumian tetapi dia tetap mengatakan 'suami' sedang menguruskan," katanya.

Dakwa pesakit dilayan baik

HBR juga menjelaskan, pesakit dilayan baik oleh kakitangan hospital, diberikan kaunseling dan makanan percuma.

"Sepanjang tempoh itu, 'suami' ada datang melawatnya selama beberapa minit sekali dalam dua hingga tiga hari. Percubaan untuk bercakap dengannya mengenai pengebumian gagal.

"Pengurusan HBR berbincang dengan pesakit untuk mendapatkan pihak polis bagi membantu menyelesaikan pengebumian tetapi dia merayu untuk tidak melibatkan polis. Pesakit hanya memberitahu semua keputusan dari 'suaminya'.

"HBR cuba mendapatkan nombor keluarga atau rakan tetapi dia enggan memberikannya. Pesakit mendakwa tinggal di bilik sewa bersama 'suami'. Dia tidak mempunyai saudara atau kawan berdekatan," katanya.

Pada masa sama, HBR menegaskan pihaknya terus komited terhadap ketelusan dan pematuhan dalam semua perkara.

Pihak berwajib masih siasat

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan menerusi Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta sudah memulakan siasatan terhadap dakwaan hospital swasta menahan selama dua minggu jasad bayi meninggal dunia kerana ibu bapa gagal menjelaskan bil.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata semua pihak perlu bertenang.

"Saya menantikan dengan sabar untuk mendapatkan dapatan penuh daripada semua pihak berwajib yang sedang menjalankan siasatan, termasuk pihak kami.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/s 4 NASIONAL 12/12/2024 (KHAMIS)

Hospital Bersalin Razif nafi dakwaan tahan jasad bayi

Beri penjelasan benarkan keluarga pesakit urus pengebumian sebelum buat pembayaran

Oleh AISYAH BASARUDDIN
SHAH ALAM

Hospital Bersalin Razif (HBR) tampil memberikan respons berhubung kes jasad bayi lelaki yang ditahan dan dibekukan selama dua minggu gara-gara bapanya dikatakan tidak mampu melunaskan bil hospital.

Pengurusan HBR berkata, pihaknya menafikan dakwaan menahan jasad bayi tersebut, sebaliknya membenarkan keluarga pesakit menuntut dan menguruskan pengebumian terlebih dahulu sebelum membuat pembayaran sebanyak RM2,480.

Menurut hospital swasta berkenaan, perbincangan turut dibuat antara kedua-dua pihak sama ada ingin melibatkan polis atau sebaliknya bagi membantu menguruskan pengebumian, tetapi pesakit merayu untuk tidak berbuat demikian.

"Dia kata semua keputusan dibuat oleh 'suami' (pesakit ada mengaku tidak berkahwin). HBR cuba dapatkan maklumat tentang keluarga, tetapi dia enggan memberitahu. Katanya tinggal di rumah sewa bersama 'suami' dan tiada saudara-mara atau rakan terdekat.

"Kemudian pesakit kata 'suami' akan aturkan. Oleh itu, HBR menunggu mereka ambil bayi untuk pengebumian.

"Pesakit dilayan dengan baik di hospital dan mendapat khidmat kaunseling, bahkan diberi makanan percuma.



Tangkap layar hantaran Wan Cai di Facebook.



"Si 'suami' datang melawat hanya beberapa minit setiap dua hingga tiga hari. Percubaan untuk berbincang tentang pengebumian gagal," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Sebelum ini, tular di media sosial apabila Pengasas Unit Khas Van Jenazah (UKVJ) yang dikenali sebagai Mr Wan Cai Official memuat naik hantaran di Facebook berkongsi mengenai perkara terbabit sehingga mengundang pelbagai reaksi warga maya.

Wan Cai memaklumkan, UKVJ menghadapi masalah sewaktu menguruskan jenazah bayi bernama Muhammad Adham Mikail kerana jasad anak kecil itu beku sepenuhnya sehinggakan terpaksa menggunakan air panas untuk melembutkan semula tubuh dan sendi anak syurga terbabit.

Difahamkan, Muhammad Adham Mikail yang dilahirkan pada 24 November lalu mengalami sindrom siklop iaitu lahir dengan hanya satu mata, tiada hidung dan tanpa dubur.

Sementara itu, hospital berkenaan menjelaskan, pihaknya terpaksa menerima

pesakit tersebut atas dasar kemanusiaan walaupun tanpa tempahan dan pemeriksaan saringan awal.

Menurutnya, pesakit sudah dihantar ke ruang bersalin dan perlu melahirkan sertamerta, namun sepanjang prosedur itu berlangsung, si 'suami' dipercayai tidak mememaninya sama sekali.

"Pesakit yang mendakwa ini kehamilan pertamanya datang ke HBR dan tidak pernah menjalani pemeriksaan antenatal, hanya memantau kandungan menggunakan aplikasi telefon.

"Memandangkan sakit bersalin yang kuat, dia terus ke bilik pemeriksaan. Doktor menjelaskan kepada 'suami' tentang keadaan bayi dan memintanya untuk melahirkan azan.

"Suntikan rutin diberi, namun bayi tersebut bertukar pucat kebiruan dan meninggal dunia beberapa minit kemudian.

"Permit pengebumian sudah ditandatangani, malah doktor beritahu aturkan pengebumian pada keesokan hari, tetapi 'suami' hanya meninggalkan hospital dengan alasan perlu pergi ke tempat lain," jelasnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

THE STAR M/S II NATION 12/12/2024 (KHAMIS)

A cesspool of scum, toxic rot and viruses

Stop playing in floodwaters, it's a breeding ground for diseases, warn health experts

By TEH ATHIRA YUSOF
tehathirayusof@thestar.com.my

PETALING JAYA: Managing diseases during the flood season is a significant challenge, particularly when it comes to leptospirosis, because its symptoms resemble those of other infections, health experts say.

Universiti Putra Malaysia medical epidemiologist Assoc Prof Dr Malina Osman said leptospirosis often "mimics" illnesses like dengue and typhoid.

"We need time to confirm the diagnosis and identify carriers in the community," she said, adding that Hepatitis A is also a concern as its symptoms usually appear one to two months after infection.

Dr Malina said individuals experiencing abdominal symptoms, high-grade fever, blood in the stool, severe dehydration, or jaundice should seek immediate medical attention as these may indicate serious infections.

Malaysia Public Health Physicians' Association president Dr Jamalludin Ab Rahman also said it is difficult to diagnose leptospirosis.

"This similarity can delay both diagnosis and treatment," he said.

"In severe cases, leptospirosis can cause kidney or liver failure, requiring intensive care."

"After floods, we must also watch for melioidosis, especially in individuals with diabetes," he said.

Dr Jamalludin warned that cholera is the deadliest disease linked to floodwater exposure, as it can cause rapid dehydration and severe electrolyte imbalances.

These warnings come in response to viral videos and pictures earlier this month showing families allowing their children to play in floodwaters, despite repeated health advisories from authorities.

Dr Malina warned that prolonged or intentional exposure to floodwaters significantly raises the risk of infections, particularly among vulnerable groups.

"Stress during flood season also weakens immune responses, further increasing susceptibility to infections," she said.

Dr Jamalludin said floodwa-

ters are often contaminated with a mixture of sewage, industrial waste and animal waste, exposing individuals to harmful pathogens.

He added that there are also risks posed by chemical hazards such as pesticides, oils, and heavy metals, which can cause skin irritation and toxic effects.

"Physical injuries from submerged sharp debris can lead to wounds that increase the risk of tetanus and infections," he said.

Additionally, floods often contaminate food and water supplies, increasing the risk of diseases such as gastroenteritis and hepatitis.

"Hepatitis A and E are linked to consuming contaminated food or water, while skin infections like cellulitis and fungal infections result from prolonged exposure to dirty water," Dr Jamalludin explained.

Floodwaters also create mosquito breeding grounds, leading to higher risks of vector-borne diseases such as dengue and malaria in some areas.

According to a Health Ministry report, gastroenteritis is another common issue during floods.

Dr Malina said gastroenteritis refers to symptoms like abdominal pain, nausea, vomiting and diarrhoea, with or without fever or blood in the stool.

"These symptoms are usually mild to moderate, and the specific cause may not always be determined immediately."

"Once an agent like bacteria or a virus is identified, the diagnosis can be confirmed," she added.

On Dec 7, the Health Ministry reported 10,272 cases of water-borne diseases at temporary relief centres (PPS) in Kelantan, Terengganu, Kedah, Negri Sembilan, Pahang and Perak.

The cases included 6,730 acute respiratory infections, 3,021 skin infections, 298 cases of acute gastroenteritis, 190 conjunctivitis, 20 chickenpox cases, and 13 cases of hand, foot and mouth disease.

FOR MORE:
See page 12

Common diseases people are exposed to during flood season

During floods, people are not just exposed to water-borne diseases but diseases from mosquitoes breeding in brackish as well

These are some of the more common diseases.



Cholera

An acute diarrheal illness that occurs when humans consume contaminated food or water.



Hepatitis A

Soread via the consumption of food and water contaminated with faecal matter.



Dysentery

Caused by a few types of bacteria and parasites



Leptospirosis

Infection mainly occurs via contact with water or food contaminated by animal urine, such as rats



Dengue

Virus carried by the Aedes aegypti mosquito that breeds in stagnant waters



Conjunctivitis

A minor infection that manifests as pink eye and causes irritation



Typhoid fever

A bacterial infection caused by Salmonella enterica and spreads mainly by contaminated food, water, or close contact with infected patients



Food poisoning

This is mainly due to eating food and drink contaminated by dirty water

The Star graphics

Wafiyah Plus



Campaign period: 18 November 2024 - 31 December 2024

Enjoy attractive expected profit rates with a m in Wafiyah Investment Account with Wafiyah P

Tenure	Expected Profit Ra
6 months	3.95% p.a
9 months	4.05% p.a
12 months	4.15% p.a

Don't miss this opportunity! Open a Wafiyah Investment Account



Scan for more info

Customers are advised to read and understand the terms and conditions available at our website and for any product or services and/or participating in any of our campaigns and promotions. Not protection

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 16 NEGARA 12/12/2024 (KHAMIS)

Restoran sayur berulat diserbu Jabatan Kesihatan

JOHOR BAHRU - Sebuah restoran yang tular di media sosial apabila seorang pelanggan menemui ulat dalam hidangan sayur kailan ketika menjamu selera di premis itu diserbu pihak berkuasa di Pasir Gudang di sini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ), Dr. Mohtar Pungut@ Ahmad berkata, Unit Keselamatan dan Kualiti Makanan, Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru telah menjalankan siasatan ke premis terbabit pada 3 Disember lalu.

"Premis didapati gagal me-

matuhi keperluan kebersihan premis makanan di bawah Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 (PPKM 2009) Akta Makanan 1983 dan tiga notis dikeluarkan kepada wakil premis.

"Satu notis Arahan Kerja Pembersihan Premis Makanan di bawah Seksyen 10, Akta Makanan 1983 juga telah dikeluarkan bagi mengarahkan pihak premis mengambil tindakan pembetulan atas teguran yang dikeluarkan oleh PKD Johor Bahru," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, JKNJ akan terus memantau dan sentiasa memas-

tikan premis makanan mematuhi PPKM 2009, Akta Makanan 1983 bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

Baru-baru ini, seorang pelanggan tidak berpuas hati apabila menemui ulat yang masih hidup bergerak-gerak dalam hidangan sayur kailan ketika menjamu selera di restoran terbabit.

Video berdurasi seminit 50 saat yang tular dalam TikTok memaparkan pelanggan mempersoalkan tahap kebersihan premis tersebut kepada peniaga restoran itu, namun memberi alasan perkara itu adalah biasa.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : KOMENTAR

BERITA HARIAN M/S 11 KOMENTAR 12/12/2024 (KHAMIS)

Jadual kerja baharu perlu fleksibel, elak jururawat alami kelesuan



Pengarah Program
Doktor
Kejururawatan,
Fakulti Teknologi
dan Sains Gunaan,
Universiti Terbuka
Malaysia

Oleh Dr Siti Fatimah Md Shariff
bhrencana@bh.com.my

Pelaksanaan waktu kerja baharu bagi jururawat di bawah Skim Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) diumumkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2024 baru-baru ini mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan jururawat.

Walaupun syif baharu itu bertujuan memenuhi keperluan sistem kesihatan semakin mencabar, namun ia memerlukan perhatian serius terutama implikasinya terhadap kesejahteraan 'hidup dan kerja' jururawat. Ini kerana, keseimbangan emosi, mental dan ketahanan fizikal amat penting bagi memastikan jururawat mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka dengan baik serta selamat.

Waktu kerja lebih panjang dengan keadaan pekerjaan tidak menentu akan menambah tekanan dipikul jururawat. Isu ini perlu dilihat dalam konteks jururawat perlu memenuhi tanggungjawab efisien bagi memastikan kualiti penjagaan pesakit tidak terjejas dan tidak membahayakan nyawa pesakit.

Oleh demikian, tumpuan khusus kepada usaha untuk mengimbangi tara keadaan kerja sebenar dengan kesejahteraan hidup jururawat sangat penting supaya kualiti penjagaan pesakit tidak terjejas. Selain berdepan dengan situasi keletihan fizikal, jururawat juga terdedah kepada keletihan mental yang boleh menjejaskan kualiti hidup sedangkan mereka adalah tunggak utama profesion bidang kesihatan ini.

Langkah mengimbangi bebanan kerja bertambah

akibat penambahan waktu bekerja ini perlu dilaksanakan dengan kadar segera bagi memastikan hal tidak diingini tidak berlaku.

Tindakan proaktif pihak pengurusan di hospital, perancangan jadual kerja jururawat lebih strategik perlu dilakukan dengan adil dan saksama. Penyusunan jadual waktu bekerja adil dan telus serta mengambil kira masalah jururawat sangat penting untuk menghadirkan rasa dihargai dan kebersamaan dalam diri jururawat.

Perlu syif lebih fleksibel

Selain dari itu, pelaksanaan syif lebih fleksibel perlu diberikan perhatian dan pertimbangan supaya dapat mengimbangkan kehidupan kerja dan keluarga mereka. Dengan memberikan pilihan waktu kerja lebih sesuai, jururawat dapat mengimbangi kehidupan peribadi dan profesional mereka.

Pelaksanaan sistem baharu sememangnya memberikan kekuatan kepada organisasi menyeragamkan 45 jam masa bekerja namun, melihat kepada waktu bekerja syif di unit kritikal seperti Jabatan Kecemasan dan Unit Rawatan Rapi (JCU), ia sukar dilaksanakan. Tambahan pula bilangan jururawat yang lebih ramai amat diperlukan dalam usaha merealisasikan waktu kerja baharu ini.

Justeru, kajian lebih mendalam perlu dijalankan untuk memahami waktu kerja lebih praktikal bagi jururawat serta memastikan mereka mendapat waktu rehat seperti digariskan dalam waktu kerja baharu supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien dan selamat.

Selain itu, kecanggihan teknologi memberikan impak besar terhadap industri kesihatan, termasuk meringankan bebanan kerja jururawat. Pengguna-

an teknologi tugas rutin misalnya menerusi sistem elektronik sumber manusia (e-HR), dapat mengelak jururawat menghabiskan masa mengisi borang secara manual.

Rekod kesihatan elektronik membolehkan jururawat mengakses, kemas kini dan berkongsi maklumat pesakit secara digital, mempercepatkan proses kerja jururawat. Selain itu, pesanan ubat dalam talian membolehkan pesanan ubat dibuat dengan lebih cepat seterusnya ubat dapat diberikan mengikut waktu dengan tepat dan selamat.

Pembedahan robotik, misalnya dapat mengurangkan tempoh masa operasi dan mengurangkan beban kerja fizikal jururawat. Maka, semua kemudahan tersedia ada perlu peringkat dan ditambah baik membantu meringankan beban dipikul jururawat. Bagi strategi jangka panjang, kuota pengambilalihan jururawat pelatih perlu dilipat ganda untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan jagaan kesihatan berkualiti dikekalkan.

Dengan menambah pengambilan jururawat baharu, memperkenalkan insentif menarik serta meningkatkan fasiliti latihan setara dengan kemajuan pembelajaran dengan disokong teknologi kecerdasan buatan (AI), ia dapat mengukuhkan sistem latihan kejururawatan dan menarik minat generasi muda menceburi bidang kejururawatan.

Jururawat perlu dihargai dengan insentif setimpai dengan beban kerja mereka. Kenaikan gaji, cuti tambahan atau peluang kenaikan pangkat boleh menjadi motivasi untuk mereka terus berkhidmat dengan penuh semangat. Pelaksanaan waktu kerja syif baharu untuk jururawat di bawah SSPA memerlukan pendekatan menyeluruh untuk memastikan kesejahteraan jururawat dan kualiti penjagaan pesakit terpelihara.